

# INOVASI SIMPLY CURVE

## PENGENALAN

Pembuatan pola adalah proses untuk membuat pakaian. Pola digunakan sebagai templat untuk memotong kain yang sesuai dengan spesifikasi yang diperlukan untuk menjahit pakaian (Nur Saadah Inten Purnamasari, 2015). Ini mempengaruhi jenis kain, pakaian yang sesuai pada pemakainya, dan apa-apa hiasan yang akan digunakan. Pola ini digunakan untuk membuat kain 2D duduk dengan betul pada badan 3D (Hamidah Suryani & Muhammad Yahya, 2018). Kaedah pembuatan pola pakaian yang paling biasa adalah pola bentuk 2D (Rosita Jaafar, 2017). Pola bentuk 2D ini dilakukan dengan menggunakan beberapa peralatan seperti kertas pola, French curve, pembaris lurus, dan pensil.

## PERMASALAHAN

Penggunaan beberapa peralatan dalam menghasilkan pola pakaian agak merumitkan menyebabkan para pelajar perlu membawa beberapa alatan. Pembaris tradisional yang digunakan agak panjang, kadangkala sukar dibawa ke mana-mana malah ramai dalam kalangan pelajar yang menghadapi kesukaran melukis pola pakaian (Nur' Athirah Razali, 2018). Jika salah satu alatan tertinggal atau lupa untuk dibawa mengganggu dalam proses untuk membuat pola pakaian dan menyebabkan tidak dapat disiapkan pada satu-satu tempoh masa

## TUJUAN

Tujuan inovasi *Simply Curve* adalah menggunakan konsep "all in one" iaitu gabungan beberapa pembaris-pembaris untuk memberi bentuk pada penghasilan pola pakaian. Sebagai contoh, bahagian yang melengkung berfungsi bagi memberi bentuk pada keruk lubang lengan, membentuk pinggang, membentuk keruk kelengkang atau cawat seluar, memberi bentuk punggung dan sebagainya. Tambahan pula, ukuran basi yang terdapat pada tepi garisan lurus berfungsi sebagai tanda ukuran basi jahitan. Selain itu, terdapat acuan khas iaitu lubang leher baju kurung yang bersaiz M dan L. Ia merupakan piawaian ukuran yang digunakan oleh industri pakaian. Terdapat juga nota kecil yang disediakan bertujuan bagi memudahkan pelajar untuk memahami cara bacaan pita ukur dan tanda-tanda simbol pola.



NOOR HANA BINTI OTHMAN  
FESYEN DAN PAKAIAN  
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG




NORIZAM BINTI ISMAIL  
FESYEN DAN PAKAIAN  
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG



MOHD FAISHAL BIN ABDUL KUDUS  
GAMES ART  
KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

## KOMERSILAN

- Mempunyai nilai komersilan yang tinggi dan praktikal
- Anggaran kos jualan *simply curve* adalah sekitar
- RM35-39



- Penggabungan 3 pembaris lurus, L, dan melengkung
- Dilengkapi dengan alat membuat basi, lisu, ira lurus dan simbol-simbol pola
- Turut dilengkapi dengan cara bacaan pita ukur
- Disediakan bersama dengan ukuran acuan lubang leher, lubang lengan, pinggang, punggung, cawat seluar, kepala lengan, garis puteri dan pelbagai lagi